

Sewa jadi deposit beli rumah

UM - 18/7/2022 mlk; 3

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

BERA: Kerajaan bersetuju menjadikan bayaran sewa bulanan Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) ditukarkan kepada deposit pembelian rumah sekali gus membolehkan 2,025 penghuninya berpeluang memiliki kediaman sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, langkah itu dibuat bagi membantu dan meringankan beban generasi baharu Felda untuk memiliki rumah.

Selain itu, katanya, RM20 juta diperuntukkan menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan sebagai cagaran kepada bakal peminjam perumahan generasi baharu di tanah rancangan itu.

“Hari ini saya mengumumkan RM7.6 juta sewa bulanan yang dibayar 2,025 penghuni PGBF serta sewaan yang dikutip selepas ini dijadikan deposit apabila mereka membeli kediaman PGBF tersebut.

“Sebagai contoh bayaran sewaan selama 36 bulan berjumlah RM10,800 akan dijadikan deposit lantas mengurangkan pembiayaan satu unit rumah tengah yang berharga RM90,000 kepada RM79,200 sahaja,” katanya ketika berucap pada sambutan



ISMAIL Sabri Yaakob beramah mesra dengan warga peneroka dalam program sambutan Hari Peneroka Felda 2022 di Felda Rentam, Bera, Pahang, semalam. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZID

Hari Peneroka Felda 2022 di Felda Rentam di sini, semalam.

Dalam majlis tersebut, Ismail Sabri turut mengumumkan peruntukan khas pembangunan RM66,000 bagi setiap tanah rancangan Felda di seluruh negara.

Beliau berkata, kesemua 317 tanah rancangan itu memperolehi peruntukan khas sempena ulang tahun penubuhan Felda ke-66 tahun ini yang keseluruhannya berjumlah RM21 juta.

Ismail Sabri berkata, beliau juga mendengar keluh kesah peneroka tanaman getah yang runding harga getah rendah.

“Kerajaan dan Felda tidak pernah meminggirkan peneroka tanaman getah ini. Saya berbesar hati mengumumkan bahawa Felda akan memperuntukkan RM6.1 juta dana pengurusan tahun 2022 bagi mengambil alih pengurusan pusat mengumpul getah (PMG) daripada FGV Rubber

Industries Sdn. Bhd.

“Dengan pengambilalihan ini, Felda dan FGV Rubber Industries telah mencapai persetujuan untuk mengurangkan kos operasi kilang 23 sen bagi setiap kilogram getah kering dengan tambahan lagi lima sen apabila mencapai sasaran bulanan.

“Pengurangan 28 sen ini akan memberikan tambahan pendapatan RM11.2 juta bagi 10,707 peneroka tanaman getah.”